

13 OCT 1998

DR MAHATHIR TERPAKSA TOLAK JEMPUTAN KERANA PERTEMBUNGAN TARIKH

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpaksa menolak jemputan untuk berucap pada satu forum di Indonesia pada 19 Nov kerana tarikhnya tidak sesuai, menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Ini kerana tarikh Forum Indonesia itu bertembung dengan tarikh Malaysia menjadi tuan rumah persidangan kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 17 hingga 18 Nov 1998, kata kenyataan itu.

Selain itu tarikh 19 Nov itu juga bertembung dengan tarikh lawatan rasmi ke negara ini yang dijadual dilakukan oleh seorang daripada ketua kerajaan yang menghadiri persidangan kemuncak itu.

Kenyataan itu berkata Perdana Menteri telah menerima satu jemputan daripada penganjur Forum Indonesia selama dua hari itu.

"Perdana Menteri tidak pernah memutuskan untuk menghadiri Forum Indonesia itu kerana sebab-sebab di atas. Oleh itu soal Dr Mahathir membatalkan lawatannya ke Indonesia untuk berucap pada forum itu tidak timbul," kata kenyataan itu.

Jawapan rasmi bagi menyatakan Dr Mahathir dukacita tidak dapat menghadiri forum berkenaan sudah dihantar kepada pihak penganjur, kata kenyataan itu bagi menjelaskan laporan berita luar negeri mengenai perkara itu.

Laporan agensi berita Reuters dari Jakarta semalam memetik kenyataan oleh penganjur forum itu sebagai berkata bahawa keputusan Dr Mahathir untuk tidak hadir telah menyelesaikan satu "isu yang berkemungkinan menjadi sensitif."

Laporan itu berkata Forum Indonesia merupakan satu acara korporat dan pelaburan yang utama yang menghimpunkan eksekutif tertinggi dari pertubuhan antarabangsa terkemuka.

-- BERNAMA

RAZ RN NMO